

Dr. M perlu kaji keputusan tidak mahu bertanding

UM 13 OCT 2002
GUA MUSANG 12 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad wajar mengkaji semula keputusannya untuk tidak bertanding dalam pilihan raya umum akan datang berdasarkan kepentingan negara.

Ahli Parlimen Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah berkata, keputusan itu boleh dikaji semula dan ditarik balik jikalau pelbagai pihak masih mahukan beliau terus berkhidmat.

Bagaimanapun, katanya, terserahlah kepada Perdana Menteri untuk membuat keputusan muktamad mengenainya kerana setiap orang tidak berhak untuk memaksa beliau berbuat demikian.

“Kita sukalah kalau beliau (Dr. Mahathir) boleh meneruskan khidmatnya tetapi kita tidak boleh paksa, hanya terserah kepadanya sendiri untuk menimbang setiap desakan yang dikemukakan,” katanya selepas Majlis Sumbangsih Jalinan Mesra di Dewan Pusat Sivik, di sini.

Beliau diminta mengulas desakan pelbagai pihak termasuk dari Konvensyen UM-NO Kelantan supaya Perdana Menteri menarik balik hasrat untuk tidak bertanding pada pilihan raya umum akan datang.

Perdana Menteri sebelum ini telah menyarakan hasrat untuk tidak lagi bertanding pada pilihan raya iaitu keputusan yang dibuat tidak lama selepas beliau menamakan Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai pengganti selepas berundur kelak.

Perdana Menteri pada Jun lalu memberitahu, beliau akan berundur pada Oktober tahun depan selepas mesyuarat Pertubuhan Negara-negara Islam (OIC) di Kuala Lumpur.